

<p>Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggan Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC). Sila pastikan juga untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat produk ini. Dapatkan penerangan daripada pegawai kami jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen atau terma-terma dan syarat-syarat produk ini.</p>		<p>Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC) Tarikh: 27 Mac 2023</p>
<p>1. Apakah maklumat berkaitan produk ini?</p>		
<p>Pengenalan Mengenai Produk</p>	<p>Sijil Hutang Islam Boleh Niaga (NIDC) adalah produk deposit dan instrumen boleh niaga di pasaran sekunder dengan tempoh matang tertentu dari tarikh terbitan. NIDC merujuk kepada sejumlah wang yang didepositkan dengan Bank dan akan dibayar kepada pelanggan pada tarikh masa depan tertentu pada nilai nominal NIDC. Pelanggan akan menerima harga jualan (prinsipal dan keuntungan) jika NIDC dipegang sehingga matang. Produk ini TIDAK dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) disebabkan oleh ciri boleh niaga.</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang terlibat?</p>		
<ul style="list-style-type: none"> Kontrak Syariah yang terpakai untuk penerbitan NIDC adalah Bai` Inah di mana: <ul style="list-style-type: none"> Pihak Bank menjual asetnya kepada pelanggan secara tunai, dan berikutnya, Pihak Bank membeli asset yang sama daripada pelanggan secara tangguh pada harga yang lebih tinggi. Setelah selesai transaksi Bai` Inah, pihak Bank akan mengeluarkan NIDC kepada pelanggan sebagai bukti hutang Bank. 		
<p>3. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p>		
<p>Penempatan Deposit Minimum</p>	<p>Jumlah minimum RM60,001.00 atau bersamaan jika NIDC dalam denominasi mata wang asing.</p>	
<p>Tempoh</p>	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) hari hingga lima (5) tahun. Bagi Sijil Hutang Islam Boleh Niaga Kadar Terapung (FRNIDC), tempoh akan dibahagikan kepada sekurang-kurangnya empat (4) tempoh keuntungan, setiap satu mempunyai tempoh tiga (3) atau enam (6) bulan kalendar. 	
<p>Penerbitan</p>	<p>Nilai prinsipal [TBD] pada harga [TBD].</p>	
<p>Kadar Keuntungan</p>	<p>[TBD]% setahun.</p>	
<p>Kaedah Pembayaran Keuntungan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kekerapan bayaran keuntungan: [TBD] Bagi FRNIDC, pihak Bank bersetuju untuk membayar keuntungan berkala untuk dana yang diterima, berdasarkan penanda aras/indeks yang dipersetujui (contoh KLIBOR) dan tempohnya tidak kurang daripada satu (1) tahun. Pengiraan Hasil Keuntungan: Hasil Keuntungan = Nilai Prinsipal x Kadar Keuntungan x Tempoh/365 Di mana: Nilai Prinsipal = Penempatan awal dari pelanggan Tempoh = Bilangan hari dari tarikh penyelesaian hingga tarikh matang 	
<p>Aset Pendasar</p>	<p>Tanah atau hartanah yang dimiliki oleh Bank.</p>	
<p>4. Apakah terma dan syarat utama produk ini yang perlu saya tahu?</p>		
<p>Pengeluaran Pramatang</p>	<ul style="list-style-type: none"> Pengeluaran pramatang sebahagian adalah tidak dibenarkan. Pengeluaran pramatang keseluruhan adalah dibenarkan tetapi tiada keuntungan akan dibayar. 	
<p>Opsyen Panggilan oleh Pihak Bank</p>	<p>Pihak Bank sebagai Penerbit NIDC boleh memanggil NIDC sebelum tarikh matang pada kadar pasaran semasa dikira berdasarkan formula 'Pengiraan Hasil Keuntungan' yang dinyatakan di atas.</p>	
<p>Prosedur Penebusan Hasil Keuntungan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Jika pelanggan memulangkan sijil NIDC kepada Bank satu (1) hari sebelum tarikh pembayaran keuntungan, pihak Bank akan membuat bayaran pada tarikh bayaran keuntungan. Namun, jika sijil NIDC dipulangkan pada tarikh bayaran keuntungan atau selepas (waktu terakhir pada jam 12.00 tengah hari), pihak Bank akan membayar keuntungan pada hari yang sama sijil itu dipulangkan. 	
<p>Prosedur Penebusan pada Tarikh Matang</p>	<p>Pelanggan perlu menghubungi Pasukan Jualan Pasaran Wang Korporat (03-2090 1710/ 1711) pada tarikh matang untuk mengesahkan dan memberikan arahan sebelum jam 12.00 tengah hari.</p>	

5. Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Tiada

6. Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Bank akan mengenakan kawalan pengurusan risiko ke atas portfolio, undang-undang dan aktiviti operasi; termasuk peruntukan aset, pematuhan kecairan kepada objektif pelaburan dan parameter, penilaian, pemantauan prestasi, pematuhan Syariah dan lain-lain. Walaupun demikian, pada masa-masa kesukaran dalam pasaran, Bank boleh menguruskan peruntukan aset untuk melindungi portfolio pelaburan dengan syarat pelaburan tersebut adalah dalam lingkungan objektif pelaburan dana.

Oleh itu, anda dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor-faktor risiko dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan pelaburan. Antara risiko-risiko yang berkaitan dengan NIDC termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- (a) **Risiko Pasaran:** merujuk kepada kemungkinan kesan pergerakan harga (contohnya kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang asing atau harga ekuiti, mana-mana berkenaan) pada nilai ekonomi sesuatu aset.
- (b) **Risiko Kredit:** merujuk kepada kemungkinan pihak Penerbit NIDC gagal memenuhi kewajibannya berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui.
- (c) **Risiko Operasi:** merujuk kepada potensi kerugian akibat daripada kekurangan atau kegagalan proses dalaman, orang dan sistem atau faktor luaran.
- (d) **Risiko Kecairan:** merujuk kepada potensi ketidakupayaan Bank untuk memenuhi permintaan pengeluaran jangka pendek daripada pelanggan.
- (e) **Risiko Perundangan:** Pelanggan perlu memastikan bahawa, penyertaan dalam pelaburan ini tidak melanggar sebarang undang-undang, peraturan, kontrak atau apa-apa batasan undang-undang lain yang boleh dikenakan kepada pelabur. Pelaburan ini tertakluk kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan dalam undang-undang, peraturan atau garis panduan tersebut, Bank Islam mungkin diwajibkan untuk mengubah sebahagian atau kesemua terma dan syarat pelaburan, termasuk kemungkinan penamatan awal.
- (f) **Risiko Ketidakpatuhan Syariah:** merujuk kepada kemungkinan kegagalan untuk mematuhi keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM dan piawaian mengenai perkara-perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau keputusan atau nasihat Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam.

7. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk memaklumkan kepada pihak Bank berkenaan sebarang perubahan terhadap butiran peribadi pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat dapat diterima tepat pada masanya.

8. Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat aduan?

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, anda boleh menghubungi kami di:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad**
Tingkat 17, Menara Bank Islam
No 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03 2690 0900
Faks: 03 2782 1337
E-mel: customercare@bankislam.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau BNM TELELINK di:

- (a) melalui telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
- (b) melalui faks : 03 2174 1515
- (c) melalui e-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
- (d) melalui surat : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

9. Instrumen Boleh Niaga Islam lain yang ditawarkan

Tiada

AMARAN:

AMAUN PRINSIPAL PRODUK INI ADALAH DIJAMIN. HARGA JUALAN AKAN DIBAYAR KEPADA PELANGGAN PADA TARIKH MATANG. JIKA PRODUK DITEBUS ATAU DIJUAL SEBELUM TEMPOH MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA HARGA JUALAN. PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Nota:

1. Maklumat yang terkandung di sini adalah tepat pada masa penerbitan dan tertakluk kepada perubahan mengikut kaedah, peraturan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.
2. Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah mulai 27 Mac 2023.
3. *[TBD]: akan ditentukan semasa penempatan deposit.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....
Nama:
No. Kad Pengenalan:
Tarikh: